

27/06/2001

Hanya yang berilmu boleh jadi umat Islam sebenar

Penyampai Pesan

SAYA bersetuju sepenuhnya dengan saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Umno supaya umat Islam khususnya orang Melayu memperlengkapkan dan mempertingkatkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dalam semua bidang dan bukannya khusus kepada perihal rukun agama.

Ayat Al Quran, iaitu ayat 17 hingga 20 Surah Al Ghaasyiyah yang dibacaknya dalam ucapan beliau hanyalah satu daripada ayat yang menyentuh mengenai tanda kekuasaan Allah yang terkandung dalam al-Quran.

Ada banyak ayat lain yang mengajak manusia merenungkan tanda kekuasaan dan kebesaran Allah berlandaskan ilmu pengetahuan dan kebanyakan daripada ayat itu hanya dapat ditafsirkan oleh mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan mendalam.

Ini termasuklah pemutaran siang kepada malam, perkisaran angin dan juga semua ciptaan-Nya. Hanya mereka yang berpengetahuan dapat mengerti dengan pengertian yang sebenar seperti yang termaktub dalam ayat berikut:

"Hanya mereka-mereka yang berpengetahuan akan dapat mengetahui dengan pasti bahawa ini (Al Quran) adalah kebenaran yang nyata daripada Allah, dan sekiranya mereka percaya kepadanya, mereka akan merendahkan hati kepada-Nya. Dan sungguh, Allah memimpin sesiapa yang percaya kepada-Nya (dan kepada ayat-ayat-Nya) (Surah Al Haj: ayat 54).

Ini ialah kerana hanya cerdik pandai akan mengetahui apa yang tercatat dalam Kitab-Nya adalah benar dan menjadi bukti yang nyata daripada-Nya. Dan bukannya juga anugerah-Nya yang terbesar kepada manusia adalah hikmah (kebijaksanaan) dan pengetahuan dan bukannya harta ataupun kekayaan?

Dalam konteks Al Quran, ilmu bukannya khusus kepada ilmu keagamaan ataupun aspek ibadah seperti yang dititikberatkan oleh golongan yang menggelar dan menganggap diri mereka sebagai ulama. Ulama dalam erti kata sebenar Al Quran adalah mereka yang berpengetahuan dalam apa saja bidang yang diceburi mereka, maka janganlah kamu mudah perdaya dengan mereka yang hanya mengikut hawa nafsu ataupun anggapan semata-mata.

Jika dibaca al-Quran seperti ia harus dibaca dengan kefahaman, kebanyakan daripada ayat yang mengandungi perkataan ilmu (atau ulama, alimul, ilma ataupun alma dalam Bahasa Arab) berhubung kait dengan tanda Kekuasaan-Nya seperti tercatat di atas atau bidang ilmiah lain termasuk astrologi, anatomi, biologi, fizik, perubatan, teknologi, arkeologi (kaji purba), antropologi dan sejarah.

Cuba kita renungkan ayat yang mana Allah menyatakan Dialah yang menciptakan setiap tumbuhan atau haiwan yang hidup berpasang pasangan. Bagi pakar kaji hayat, mereka akan meneliti sejauh mana kebenaran ayat di atas dengan berlandaskan kepada apa yang dia pelajari dan ilmu yang didalamnya.

Begitu juga dengan pemutaran siang kepada malam. Pakar astronomi tentu lebih tahu secara terperinci proses yang terbabit dalam pergantian siang kepada malam berdasarkan kepada apa yang dipelajarinya dengan mendalam. I

Lebih banyak atau mendalam pengetahuan seseorang dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan ayat-Nya ataupun tanda Kekuasaan-Nya yang dinyatakan-Nya dalam al-Quran, maka lebih jelaslah dan yakin bagi mereka untuk menerima hakikat sebenar bahawa al-Quran itu adalah kebenaran yang mutlak daripada-Nya.

"Dan telah Kami wahyukan kepada kamu sebuah Kitab (Al Quran) yang diperjelaskan berlandaskan ilmu pengetahuan sebagai suatu petunjuk dan

rahmat bagi mereka yang beriman." (surah Al'Aaraf: ayat 52)

Allah tidak suka kepada tanggapan, sangkaan, tekaan dan andaian semata-mata jadi janganlah kamu beranggapan atau mengagak menerima dengan membabi buta saja bahawa apa yang dinyatakan-Nya adalah benar. Sebaliknya, Ia lebih suka sekiranya kamu memperhatikan dan mengkaji secara mendalam dan menyeluruh dengan menggunakan penglihatan, pendengaran dan akal fikiran yang diberikan kepada kamu sebelum membuat kesimpulan dan keputusan mengenai tanda kekuasaan dan kebesaran-Nya.

Menerusi pendekatan ini, kepercayaan dan keyakinan kamu pada kekuasaan dan kebolehan-Nya akan lebih ikhlas kerana kamu tahu dengan sebenar-benarnya bahawa Ia berkata benar. Dan haruslah diingatkan juga firman-Nya bahawa makhluk yang paling buruk dari pandangan-Nya adalah mereka yang buta, bisu, pekak dan yang tidak menggunakan akal fikiran yang dianugerahkan-Nya dalam membuat sebarang keputusan.

Firman-Nya: "Dan akan Kami penuhkan dengan jin dan manusia; ini kerana mereka mempunyai hati tapi tidak menggunakannya untuk memahami, mata tapi tidak menggunakannya untuk melihat dan telinga tapi tidak menggunakannya untuk mendengar. Mereka seperti lembu; malahan tidak! Mereka lebih teruk. Mereka tidak menggunakan akal." (Surah Al'Aaraf: ayat 179)

Ini kerana, mereka mengikut secara membabi buta apa yang diberitakan ataupun dinyatakan kepada mereka tanpa soal siasat terlebih dulu. Malahan ada ayat yang menyatakan jika ada apa-apa yang terdapat dalam al-Quran yang tidak masuk akal, tinggalkannya.

Perhatikanlah dan renungkanlah bagaimana Allah begitu sekali mahu kamu menggunakan apa yang dianugerahkan-Nya kepada kamu sebelum membuat keputusan dan supaya kamu tidak menerima apa-apa jua secara rambang atau dengan membabi buta sehingga sanggup Ia menyuruh kamu untuk meninggalkan ayat-ayat-Nya kalau ada apa yang terkandung di dalamnya yang tidak logik atau tidak masuk akal.

Mungkin inilah sebabnya mengapa Allah menyatakan hanya mereka yang berilmu boleh jadi orang Islam yang sebenarnya atau yang benar-benar takut dan takwa kepada-Nya.

"Dan di antara manusia dan juga haiwan serta binatang ternakan yang diciptakan-Nya, ada perbezaan warna. Sungguh, hanya mereka yang berpengetahuan di antara hamba-hamba-Nya saja yang benar-benar bertakwa kepada-Nya. Dan sungguh, Allah Maha Perkasa, Maha Pengampun. (Surah Al Faathir: ayat 28).

Ini ialah kerana, walaupun selepas menyelidik atau mengkaji secara mendalam, mereka sedar bahawa semua yang dinyatakan Allah dalam al Quran adalah benar dan tidak syak lagi bagi mereka bahawa al-Quran adalah kebenaran yang nyata daripada Allah Yang Maha Mengetahui Segala-gala-Nya dan Yang Maha Bijaksana, Pencipta, Pembentuk dan Pereka Yang Terbaik dan benar-benar yakin akan kebenaran janji-Nya.

Namun, yang sedihnya, apa yang dipraktikkan oleh kebanyakan umat Islam bukan saja di Malaysia tetapi di serata dunia, nyata menyeleweng ataupun bercanggah dengan apa yang diperintahkan Allah dalam konteks melengkapkan diri dalam ilmu pengetahuan atau dalam mengkaji dulu secara mendalam apa jua sekalipun sebelum menerimanya sebagai kenyataan.

Sebaliknya, yang mengikut arahan-Nya adalah bukan Islam dan orang putih atau kaum Yahudi, golongan yang paling dibenci oleh kebanyakan daripada tokoh ulama Islam kerana kedengkian sebab Allah menganugerahkan pemberiannya kepada sesiapa saja yang Ia kehendaki di antara manusia.

Mereka mahu anugerah itu diberikan kepada mereka tetapi mereka tidak berusaha ke arah itu. Ini kerana mereka asyik menumpukan perhatian mereka kepada aspek rukun yang Allah telahpun jelaskan dengan sejelas-jelas-Nya dalam al-Quran.

Mereka tidak juga percaya dengan penjelasan Allah dan berusaha untuk

menambah apa yang Allah berulang kali menyatakan sebagai sudah lengkap dan sempurna sehingga Islam bertukar menjadi lain daripada apa yang tercatat dalam al-Quran.

Maka benar jugalah kata Allah bahawa kebanyakan mereka, termasuk yang menyatakan mereka beriman kepada-Nya, sebenarnya tidak beriman ataupun tidak mengikut sepenuh-Nya apa yang diperintahkan-Nya. Mereka mencampur aduk kebenaran dengan kepalsuan dengan menambahkan hukum jahiliah. Dan Allah tidak pernah berdusta ataupun salah.

Cuba renung dan perhatikan. Kalau mereka yang bergelar ulama betul-betul mengikut perintah Allah, takkanlah umat Islam menjadi di antara orang paling mundur dalam bidang ilmu pengetahuan atau yang paling banyak buta huruf di dunia atau berpecah belah sesama sendiri.

Mengapa dan kenapakah ini boleh terjadi? Tanyalah mereka yang menggelar diri sebagai ulama. Mungkin mereka dapat memberi jawapan. Akan tetapi, ingatlah pesanan Allah.

Jangan terima pakai bulat-bulat penjelasan mereka tanpa merenungkannya dengan menggunakan anugerah-Nya kepada kamu. Dan awasilah mereka supaya tidak akan memesongkan kamu lagi daripada ayat Allah dengan rekaan mereka. Boleh jadi, kebanyakan daripada mereka menjauhkan diri daripada menitik beratkan mengenai tanda kekuasaan Allah ialah kerana mereka sendiri tidak mempunyai pengetahuan atau ilmu yang mendalam ataupun relevan mengenainya.

Mungkin, mereka juga hanya menurut tanggapan, andaian dan sangkaan semata-mata ataupun pengetahuan hanya berlandaskan pentafsir yang mentafsirkan ayat Allah sebelum tafsiran yang benar datang kepada mereka.

"Bahkan, mereka mendustakan pengetahuan yang tidak mereka rangkumi dengan ilmu yang ada pada mereka dan sebelum datang kepada mereka tafsirannya yang sebenar. Demikian juga orang yang sebelum dari mereka. Maka lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang zalim. (Surah Yunus: Ayat 39)

Demi kecetekan ilmu pengetahuan mereka, akan tetapi kebanyakannya dengan angkuh masih lagi menganggap dan menggelar diri mereka sebagai ulama ataupun orang yang berpengetahuan. Bukankah ini saja, satu bukti nyata bahawa mereka sebenarnya pembohong dengan mengaku diri sebagai orang yang berpengetahuan tetapi hakikat sebenarnya tidak.

Mungkin, pembohongan inilah yang membuat Perdana Menteri kita selalu mengkritik atau melenting terhadap mereka. Dan mungkin juga sebahagian daripada kamu akan menaruh keraguan terhadap apa yang dinyatakan, tetapi kalau masih tak percaya juga, sila baca dan rujuk kepada al-Quran dalam bahasa yang difahami.

Bukankah Allah menyatakan dalam ayat 58, Surah Al Dhukan (Jerebu) bahawa: "Akan Kami mudahkan Al Quran dalam bahasa (lidah) kamu supaya kamu beroleh peringatan."

Salam dan semoga Allah membimbing kamu ke jalan-Nya yang lurus.